

BERITA HARIAN 7 JUN 2013

Kisah kehebatan ATM pembakar semangat

Kuala Lumpur: "Jika dulu kita mampu menyelamatkan tentera Amerika Syarikat (AS) dengan kelengkapan tidak secanggih mereka, tidak mustahil pada masa depan kita mampu menjadi antara kuasa besar dunia," kata bakal graduan tentera Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Saiful Nizam Nomi Shamsul, 20.

Saiful Nizam melahirkan keyakinan itu selepas diberi pendedahan pada Majlis Pengkisahan Sejarah Tentera Pengaman Malaysia di Somalia anjuran Ar-kib Negara di UPNM, di sini, baru-baru ini.

Peranan tentera Malaysia

Katanya, walaupun kisah pertempuran hebat itu difilemkan melalui *Black Hawk Down*, peranan tentera Malaysia dalam filem berkenaan tidak ditekankan oleh pembuat filem dari AS itu.



Saiful Nizam Nomi Shamsul



Nur Ayu Syamimi Mahayuddin

"Mungkin mereka malu kerana negara kecil seperti Malaysia mampu menyelamatkan anggota mereka daripada terbunuh, nyata peristiwa itu membakar semangat saya untuk menjadi pejuang berani mati seperti ditunjukkan tentera kita yang menyertai operasi terbabit," katanya.

Sementara itu, pelajar Tahun

Satu Sarjana Muda Pengajian Strategi, Siti Nur Rafizah Rahmat, 20, berkata, pengalaman diceritakan sendiri tentera terbabit dan visual dipertontonkan dapat memberi gambaran sebenar krisis di Somalia itu.

"Saya berbangga dengan pencapaian setiap anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), walau-



Dari kiri Mohd Rozi, Mohd Halim dan Abd Aziz pada **Majlis Pengkisahan Sejarah Tentera Pengaman Malaysia di Somalia.**

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

pun berada di luar negara mereka tetap melakukan yang terbaik sepanjang berkhidmat di sana.

Nur Ayu Syamimi Mahayuddin, 20, pula berkata, kejadian yang dilalui ATM di Somalia sama seperti yang dilalui ayahnya yang juga seorang anggota yang terbabit dalam misi ke Bosnia Herzegovina pada 1993.

"Bukan mudah untuk mereka berhadapan situasi genting yang mempertaruhkan nyawa, tambahan lagi perlu berjauhan dengan

keluarga tercinta.

Dalam pada itu, lebih 500 warga UPNM hadir pada majlis yang menampilkan tiga tokoh yang terbabit secara langsung di Somalia iaitu, Mej Jen (B) Datuk Mohd Rozi Baharom, Kol Mohd Halim Khalid dan Mej (B) Abd Aziz Abd Latif.

Pada majlis yang dirasmikan oleh Naib Canselor UPNM, Lt Jen Datuk Allatif Mohd Noor itu, turut berlangsung sesi soal jawab antara hadirin dengan ketiga-tiga tokoh terbabit.